

# Kesediaan Pensyarah Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti

Mohd Nor bin Ihkasan  
mdnorihk@uthm.edu.my

Nurshahida Bt Md Ab Patah  
*shahida\_2587@yahoo.com.my*

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## ABSTRAK

Institusi pendidikan berperanan dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada modal insan. Pendidik mahupun pensyarah yang bertindak sebagai pelaksana perlu sentiasa bersedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran supaya ianya menjadi lebih berkesan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti dari segi kognitif, afektif dan psikomotor serta mengenalpasti hubungan di antara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor pensyarah. Responden kajian ini terdiri daripada pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek dari 4 buah Kolej Komuniti di Kedah, Johor, Pahang dan Selangor. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dengan skala likert 5 mata. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS version 16.0 dengan melibatkan kekerapan, peratusan, skor min dan korelasi Spearman. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti adalah tinggi. Hasil analisis korelasi Spearman yang dibuat juga menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor pensyarah. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mencadangkan agar lebih banyak bentuk latihan perlu disediakan untuk meningkatkan kesediaan pensyarah Kolej Komuniti khususnya kesediaan

psikomotor dalam memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek.

Kata Kunci: kesediaan pensyarah, pembelajaran sepanjang hayat, kursus jangka pendek, kognitif, afektif, psikomotor

## **PENGENALAN**

Institusi pendidikan adalah berperanan dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada modal insan sehingga ianya menjadi satu budaya dalam hidup mereka. Pencarian ilmu yang berterusan adalah penting kerana ilmu dan kemahiran yang diperolehi di sekolah dan universiti akan menjadi lapuk selepas satu tempoh tertentu.

Setiap individu di negara kita digesa supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka seiring dengan kepelbagaiannya keperluan dan daya saing (PSPTN, 2007). Ianya amat dituntut oleh industri bagi meningkatkan produktiviti. Selain itu, kebanyakan rakyat negara kita semakin sedar dan menghayati keperluan tentang penggayaan ilmu dan kemahiran demi peningkatan arus pembangunan dan kepuasan diri seiring dengan pembangunan sosioekonomi negara. (PSPTN, 2007). Pembangunan secara global telah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat terhadap komuniti di negara kita.

Menurut Toth (2002), UNESCO telah memperkenalkan pembelajaran sepanjang hayat sejak lebih 30 tahun yang lalu. Ianya dikaitkan dengan harapan membentuk masyarakat yang mempunyai kualiti kehidupan yang lebih tinggi. Kini idea tentang pembelajaran sepanjang hayat dikembangkan bagi memenuhi keperluan-keperluan tenaga buruh yang berkemahiran serta dikaitkan juga dengan elemen teori modal ekonomi manusia. Sehubungan itu, bagi membudayakan pembelajaran sepanjang hayat supaya seajar dengan kehendak kerajaan, Kolej Komuniti telah menyediakan beberapa program kursus sepenuh masa dan kursus jangka pendek bagi komuniti setempat. Menurut statistik JPKK (2011), sebanyak 46 buah Kolej Komuniti induk telah dibina beserta 38 Kolej Komuniti cawangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta seajar dengan konsep yang dikehendaki pada masa kini iaitu belajar sambil bekerja.

Oleh itu, untuk melahirkan pelajar berkualiti dan bertaraf dunia, Mohd Yasin (2009) menyatakan bahawa para pendidik dan guru-guru pelatih perlulah dilengkapkan dengan ciri-ciri berikut:

- (i) Menguasai subjek (kandungan kurikulum).
- (ii) Mahir dan berketerampilan dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran).
- (iii) Memahami perkembangan pelajar-pelajar dan menyayangi mereka.
- (iv) Memahami psikologi pembelajaran.
- (v) Memiliki kemahiran kaunseling.
- (vi) Menggunakan teknologi terkini.

Secara kesimpulannya, pendidik mahupun pensyarah yang bertindak sebagai pelaksana kepada sesuatu kurikulum baru perlulah sentiasa bersedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran supaya ianya menjadi lebih berkesan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan instrumen yang penting dalam memenuhi keperluan individu mahupun guna tenaga kerja yang mahir di Malaysia. Perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat dapat memastikan wujudnya kesaksamaan sosial dalam struktur masyarakat sosial. Masyarakat luar bandar juga tidak ketinggalan dalam usaha untuk memperbaiki taraf kehidupan masing-masing.

Justeru itu, peranan Kolej Komuniti dengan melampaui batas sempadan masa dan tempat sebagai usaha untuk menyumbang kepada masyarakat telah menawarkan pelbagai kursus jangka pendek agar dapat meningkatkan tahap sosioekonomi segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, amat bertepatanlah tindakan kerajaan meletakkan PSH sebagai sebahagian polisi penting dalam kerangka pembangunan negara menerusi rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010). Pelbagai kursus telah ditawarkan mengikut keperluan pasaran kerja dan amat menepati bagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Seiring dengan itu, para pendidik perlu sentiasa bersedia untuk melakukan anjakan paradigma selari dengan perkembangan semasa di peringkat global. Anjakan ini amat penting bagi memastikan agenda pendidikan negara kita untuk membina sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu-padu dapat dicapai sebagaimana yang dihasratkan (Mohd Yasin, 2009).

Menurut Chapman *et al.* (2003), terdapat beberapa masalah dan kekangan yang menghalang kesediaan seseorang pendidik terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Antaranya ialah:

- (i) Bebanan kerja pendidik
- (ii) Saiz kelas
- (iii) Ketersediaan masa
- (iv) Masalah organisasi

Dalam konteks ini, pensyarah-pensyarah di Kolej Komuniti khususnya di jabatan pembelajaran sepanjang hayat merupakan pelaksana kursus yang memainkan peranan penting untuk mendidik para peserta menjadi modal insan yang berkemahiran serta dapat memenuhi permintaan pasaran kerja, disamping dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara seperti yang terkandung dalam matlamat Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, merujuk kepada Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015) beberapa isu kritikal yang berkaitan dengan pembelajaran sepanjang hayat telah dikenalpasti. Antaranya ialah kekurangan sumber tenaga pengajar dan tenaga pengajar mahir. Justeru itu, melalui isu kritikal ini dapat dikenalpasti bahawa tahap kesediaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat adalah kurang ekoran dari kekurangan tenaga pengajar serta tenaga pengajar mahir (PTPTN, 2011).

Berdasarkan perkara tersebut, maka di dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau apakah tahap kesediaan pensyarah yang mengajar

kursus jangka pendek terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek yang dijalankan di Kolej Komuniti dalam melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan matlamat dan objektif Kementerian Pengajian Tinggi. Kajian ini hanya meliputi persepsi pensyarah berkenaan dengan tahap kesediaan mereka terhadap kursus jangka pendek yang dijalankan. Aspek kesediaan yang ingin ditinjau ini adalah meliputi aspek kognitif, afektif dan juga psikomotor.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- (i) Mengenalpasti kesediaan kognitif pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.
- (ii) Mengenalpasti kesediaan afektif pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.
- (iii) Mengenalpasti kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.
- (iv) Mengkaji hubungan yang signifikan diantara kesediaan kognitif dan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- (i) Apakah tahap kesediaan pensyarah dari segi kognitif terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?
- (ii) Apakah tahap kesediaan pensyarah dari segi afektif terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?
- (iii) Apakah tahap kesediaan pensyarah dari segi psikomotor terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?
- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?

## **HIPOTESIS KAJIAN**

**Ho:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan

pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.

**H<sub>a</sub>:** Terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian lepas merupakan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain dan mempunyai hasil dapatan kajian. Hashim (2009) telah menjalankan kajian untuk menilai sejauh mana kesediaan guru kejuruteraan di sekolah menengah teknik terhadap penerapan pemikiran berdaya cipta dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor guru terhadap penerapan pemikiran berdaya cipta adalah di tahap tinggi. Manakala kesediaan bagi lawatan sambil belajar, menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi, mengendalikan setiap kerosakan yang berlaku dimakmal dan berkebolehan dalam menggunakan aplikasi AutoCad berada pada tahap sederhana.

Tahap kesediaan pendidik terhadap sesuatu matapelajaran yang akan diajar adalah amat penting bagi membolehkan mereka menjalankan tugasnya dengan berkesan disamping dapat meningkatkan keyakinan dirinya dan seterusnya para pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Sihes & Bandi (2010) terhadap tahap kesediaan bakal guru dari aspek pengetahuan, tahap kemahiran, tahap pendedahan dan sikap bakal-bakal guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bakal-bakal guru mempunyai kesediaan yang tinggi untuk mengajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini meliputi kaedah tinjauan bagi mengetahui tahap kesediaan pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti. Data primer bagi kajian ini diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden yang melibatkan para pensyarah kolej komuniti yang terlibat sebagai tenaga pengajar kursus jangka pendek di Kolej Komuniti yang telah dipilih sebagai sampel kajian manakala data sekunder pula diperolehi daripada jurnal-jurnal dan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi serta Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Segala maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciene (SPSS)* bagi mengetahui tahap kesediaan pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek yang dijalankan.

Bagi mendapatkan sumber data, penyelidik telah memilih sampel secara rawak. Bilangan sampel yang diambil adalah seramai 191 orang. Pensyarah Kolej Komuniti yang mengajar kursus jangka pendek dipilih kerana mereka merupakan pendidik yang telah mempunyai pengalaman mengajar serta merupakan pelaksana yang bertanggungjawab dalam menjadikan Kolej Komuniti sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini telah dijalankan dengan berfokuskan kepada empat buah Kolej Komuniti di Semenanjung Malaysia. Pemilihan ini melibatkan Kolej Komuniti yang mempunyai bilangan staf akademik yang paling ramai bagi empat zon iaitu utara, timur, barat dan selatan. Lokasi kajian yang dipilih ialah Kolej Komuniti Bandar Darulaman (Kedah), Kolej Komuniti Segamat (Johor), Kolej Komuniti Kuantan (Pahang), ,dan Kolej Komuniti Kuala Langat (Selangor).

Data-data ini di analisis menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan skor min serta statistik inferensi seperti korelasi Spearman. Untuk menganalisis demografi responden, penyelidik akan menggunakan peratusan dan kekerapan. Manakala skor min digunakan untuk menganalisis kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor pensyarah terhadap kursus jangka pendek. Bagi melihat hubungan diantara dua pembolehubah pula, ujian korelasi Spearman telah digunakan.


## **DAPATAN KAJIAN**

### **a) Kajian rintis**

Kajian rintis bagi kajian ini telah dilakukan dengan mengambil 10 orang responden yang mempunyai ciri-ciri dan persekitaran yang sama dengan responden kajian sebenar iaitu pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang untuk menjawab borang soal selidik yang telah disediakan. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciene (SPSS)* 16.0 untuk mendapatkan pekali *Cronbach's Alpha*. Hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan, nilai alpha bagi keseluruhan bahagian di dalam borang soal selidik ialah 0.953 ( $\alpha > 0.6$ ). Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik adalah sangat baik.

### **b) Skor Min Keseluruhan Domain Kesediaan**

Analisis keseluruhan domain ini adalah untuk membandingkan antara ketiga-tiga tahap kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek. Melalui perbandingan ini, pengkaji dapat melihat domain yang paling dominan dalam kesediaan pensyarah.



**Rajah 4.1:** Analisis Keseluruhan Domain Kesediaan

Berdasarkan carta pai di atas, persoalan kajian yang pertama iaitu berkaitan dengan tahap kesediaan kognitif pensyarah telah menunjukkan skor min bernilai 4.40 dengan peratusan sebanyak 35%. Ini membuktikan bahawa kesediaan para pensyarah di Kolej Komuniti

**Jadual 4.12:** Keputusan Ujian Korelasi Spearman

terhadap perlaksanaan kursus jangka pendek adalah pada tahap tinggi. Hasil daripada analisis ini juga, pengkaji dapat merumuskan bahawa domain kognitif merupakan yang paling dominan di antara ketiga-tiga domain kesediaan.

Seterusnya, bagi persoalan kajian yang kedua iaitu berkaitan dengan tahap kesediaan afektif pensyarah telah menunjukkan skor min bernilai 4.29 dengan peratusan 34%. Hasil daripada analisis mendapati bahawa tahap kesediaan afektif para pensyarah Kolej Komuniti berada pada tahap tinggi. Namun begitu, jika dibandingkan dengan ketiga-tiga domain, domain afektif ini berada pada pertengahan di antara yang tertinggi dan terendah.

Persoalan kajian terakhir yang terjawab melalui analisis deskriptif ini adalah “Apakah tahap kesediaan pensyarah dari segi psikomotor terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?”. Berdasarkan analisis ini tahap kesediaan psikomotor pensyarah adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min adalah 3.91 (31%). Namun begitu, jika dibandingkan antara skor min domain kognitif dan domain afektif pengkaji dapat melihat bahawa domain psikomotor berada pada kedudukan yang paling rendah. Ini membuktikan bahawa domain kesediaan yang paling rendah bagi kesediaan pensyarah adalah domain kesediaan psikomotor.

**c) Analisis Hubungan Yang Signifikan Diantara Kesediaan Kognitif Dan Kesediaan Psikomotor Pensyarah**

			<b>Kese diaan Kogn itif</b>	<b>Kese diaan Psiko moto r</b>
<b>Spe arm an's rho</b>	<b>Kesed iaan Kogn itif</b>	Correl ation Coeffi cient Sig. (2- tailed) N	1.000 . . 131	.239** .006 131
	<b>Kesed iaan Psiko motor</b>	Correl ation Coeffi cient Sig. (2- tailed) N	.239** .006 131	1.000 . . 131

Keputusan ujian korelasi Spearman menunjukkan bahawa perhubungan antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor adalah signifikan ( $r=0.239$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan pada keputusan analisis ini, kesimpulan yang dapat dibuat adalah kesediaan kognitif adalah berhubungkait dengan kesediaan psikomotor namun begitu hubungan yang wujud adalah sangat lemah kerana berada pada skala 0.01 hingga 0.3. Analisis ini telah menjawab persoalan kajian ke-4 iaitu "Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti?". Jawapan bagi persoalan kajian ini adalah

terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor pensyarah terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.

## PERBINCANGAN

### 1) Tahap Kesediaan Pensyarah Dari Segi Kognitif Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti?

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa para pensyarah Kolej Komuniti mempunyai tahap kesediaan kognitif yang tinggi terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek. Ini adalah berdasarkan kepada skor min keseluruhan yang telah diperolehi iaitu sebanyak 4.40. Ini menunjukkan pensyarah Kolej Komuniti adalah sangat bersedia dari segi kognitifnya untuk melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek.

Sepertimana yang kita ketahui, seseorang yang terlibat dalam profesi perguruan perlu memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang tinggi. Menurut Ibrahim (2001), penekanan penguasaan ilmu merupakan ciri yang penting dalam pembangunan kognitif seorang pendidik. Setiap guru atau pensyarah perlu mempelbagaikan usaha dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka disamping menanam perasaan cinta kepada ilmu pengetahuan. Hal ini

sejajar dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan tahap kesediaan kognitif (ilmu pengetahuan) seorang pensyarah adalah pada tahap yang sangat tinggi. Ini membantu seseorang pensyarah itu untuk menyampaikan segala maklumat dengan tepat dan terperinci.

Menurut Perry (1996), domain kognitif merupakan kefahaman intelek yang terbahagi kepada pengetahuan, pemahaman dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Seseorang pensyarah yang mempunyai kesediaan kognitif yang tinggi akan berupaya meningkatkan pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Pengetahuan adalah gabungan set sintatik dan simantik yang berguna untuk menerangkan sesuatu. Justeru itu, elemen kognitif adalah salah satu elemen yang penting bagi pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

## **2) Apakah Tahap Kesediaan Pensyarah Dari Segi Afektif Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti?**

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah Kolej Komuniti mempunyai tahap kesediaan afektif yang tinggi terhadap perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek dengan mencatat skor min keseluruhan sebanyak 4.29. Berdasarkan hasil dapatan, pengkaji melihat pensyarah Kolej Komuniti sangat bersedia dengan perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek. Ini kerana para pensyarah lebih bersikap terbuka dan menerima tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik.

Secara keseluruhan, setiap pensyarah sememangnya perlu sentiasa bersikap positif terhadap apa jua perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan hari ini. Hal ini sejajar dengan peranan pendidik atau pensyarah sebagai seorang agen pelaksana perubahan dalam kurikulum yang memerlukan seseorang itu mempunyai sifat positif dalam semua perkara (Aziz, 2000).

Pensyarah-pensyarah yang memiliki kekuatan dalaman akan lebih bertanggungjawab terhadap tugas mereka kerana tugas seorang pendidik dilihat sebagai amanah yang perlu disempurnakan sepenuhnya (Kareem & Khuan, 2005). Di samping itu, kesediaan afektif pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek juga dilihat dari sudut minat dan nilai mereka. Minat yang mendalam terhadap bidang tugas mereka akan mendorong mereka untuk bekerja dengan lebih cekap. Seorang pensyarah yang bersedia dari segi afektif akan cuba meningkatkan profesionalisme mereka melalui minat serta kekuatan dalaman yang dimiliki.

## **3) Apakah Tahap Kesediaan Pensyarah Dari Segi Psikomotor Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti?**

Dapatan kajian menunjukkan pensyarah Kolej Komuniti mempunyai kesediaan psikomotor yang tinggi terhadap perlaksanaan pembelajaran

sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek dengan skor min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.91. Ini menunjukkan bahawa pensyarah Kolej Komuniti bersedia dari segi psikomotor ataupun kemahiran semasa melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus jangka pendek.

Penguasaan kemahiran dilihat sangat penting dalam meningkatkan kualiti seorang pensyarah. Menurut Muhammad *et al.*, (2007), profesi perguruan merupakan profesi yang memerlukan para pendidik berpengetahuan luas dan mempunyai pelbagai kemahiran dalam menghadapi cabaran dunia pendidikan yang berteknologi tinggi pada masa kini. Pendidikan yang tinggi tidak akan menjamin seseorang itu menjadi profesional tetapi kemahiran yang diperolehi dan kebolehan untuk mengaplikasikannya dalam suasana pendidikan yang realistik akan menentukan peningkatan profesionalisme (Mohamed, 1999).

Kesediaan psikomotor atau kemahiran yang pelbagai dikalangan pensyarah amatlah diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik yang sempurna. Bagi kolej komuniti, para pensyarah mereka melihat kesediaan psikomotor sebagai perkara penting sebelum menjalankan setiap kursus pendek yang ditawarkan. Ini kerana, para peserta yang menyertai kursus pendek adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan mempunyai tahap kemahiran yang berbeza-beza.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab para pensyarah untuk memperlengkap diri mereka dengan pelbagai kemahiran yang ada supaya mereka dapat memenuhi permintaan komuniti dengan lebih baik.

#### **4) Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Diantara Kesediaan Kognitif Dan Kesediaan Psikomotor Pensyarah Terhadap Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Kursus Jangka Pendek Di Kolej Komuniti?**

Bagi persoalan kajian yang ke-4, hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan diantara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor. Keputusan ujian korelasi Spearman telah menunjukkan bahawa perhubungan antara kesediaan kognitif dan kesediaan psikomotor adalah signifikan ( $r=0.239$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan pada keputusan analisis ini, dapat dirumuskan bahawa kesediaan kognitif adalah berhubungkait dengan kesediaan psikomotor namun begitu hubungan yang wujud adalah sangat lemah kerana berada pada skala 0.01 hingga 0.3.

Pada pandangan pengkaji, wujudnya hubungkait diantara kesediaan kognitif seseorang pensyarah dengan kesediaan psikomotornya adalah kerana jika dilihat secara umum, seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi akan mempunyai kemahiran yang tersendiri namun begitu aras kemahiran mereka terhadap sesuatu bidang atau perkara itu mungkin berbeza-beza. Hal ini mungkin mempengaruhi kadar kekuatan sesuatu hubungan tersebut dan boleh menyebabkan wujudnya suatu hubungan yang sangat lemah.

Selain itu, jika dilihat dari sudut Kolej Komuniti pula hubungan yang sangat lemah wujud di antara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor pensyarah kerana kebanyakannya pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek mempunyai kelulusan yang berbeza-beza dan tahap kognitif mereka adalah tinggi akan tetapi jika dibandingkan dengan tahap kesediaan psikomotor mereka ianya menjadi kurang apabila mereka terpaksa mengajar kursus jangka pendek yang pelbagai bidang dan peserta yang terlibat dalam kursus jangka pendek juga adalah dari pelbagai peringkat umur serta kelulusan pendidikan.

Justeru itu, bagi menguatkan lagi hubungan di antara kesediaan kognitif dengan kesediaan psikomotor seseorang pensyarah, pelbagai latihan serta kursus kemahiran perlu diberikan.

## **KESIMPULAN**

Berpandukan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dapatlah disimpulkan bahawa kesediaan dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah saling berkaitan kerana untuk melaksanakan sesuatu perkara yang sukar dan mencabar memerlukan gabungan kedua-dua aspek ini. Di Kolej Komuniti, para pensyarah amat memerlukan kedua-dua aspek ini bagi memenuhi tuntutan dan keperluan komuniti yang mempunyai julat kepelbagaian yang besar.

Secara keseluruhannya, melalui hasil dapatan keempat-empat objektif yang telah dibina dapatlah dirumuskan bahawa para pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek di Kolej Komuniti mempunyai tahap kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor yang tinggi di samping dapat membuktikan bahawa Kolej Komuniti berjaya menjadi hab pembelajaran sepanjang hayat yang mampu memenuhi kehendak komuniti serta membentuk komuniti menjadi masyarakat yang berpengetahuan.

## **CADANGAN**

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, penyelidik menyarankan beberapa cadangan dan saranan yang boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan pensyarah Kolej Komuniti untuk memantapkan kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor.

### **Cadangan Kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)**

Dalam menghasilkan pensyarah-pensyarah yang bersedia dari segi kognitif, afektif dan psikomotor, pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) perlu menyediakan lebih banyak insitusi-institusi latihan yang dapat membina kemahiran (*up-skilling*) dan mempertingkatkan kemahiran (*re-skilling*) para pensyarah di institusi pengajian tinggi khususnya di Kolej Komuniti. Ini kerana hasil dapatan

kajian menunjukkan kemahiran di kalangan para pensyarah masih lagi kurang meskipun telah berada pada tahap yang tinggi.

### **Cadangan Kepada Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK)**

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) perlu mengambil pendekatan untuk meningkatkan kemahiran teknikal dikalangan pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek khususnya. Ini kerana hasil kajian mendapati kemahiran teknikal para pensyarah berkaitan dengan peralatan di makmal dan bengkel masih lagi pada tahap yang sederhana. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak JPKK menyediakan lebih banyak kursus-kursus dan latihan yang dapat meningkatkan kemahiran para pensyarah terutamanya terhadap kemahiran teknikal, kemahiran mengurus dan juga kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar mengambil lebih ramai staf untuk melaksanakan kursus jangka pendek yang ditawarkan agar beban tugas pensyarah dapat dikurangkan. Hal ini kerana, penawaran kursus yang banyak pada satu masa yang sama menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga pengajar yang mahir.

Pihak JPKK juga disarankan agar menyediakan lebih banyak program-program yang dapat mempertingkatkan profesionalisme pensyarah serta mewajibkan pensyarah menyertai kursus *Occupational Safety And Health Administration* (OSHA) dengan lebih kerap supaya dapat memahami standard keselamatan yang telah ditetapkan. Ini kerana terdapat hasil dapatan yang menunjukkan pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek kurang mampu mengendalikan setiap kerosakan yang berlaku di makmal dan bengkel serta tidak mengikuti standard keselamatan yang telah ditetapkan.

### **Cadangan Kepada Pensyarah Kolej Komuniti**

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti perlu mengambil inisiatif baru bagi mengatasi kekurangan dan kelemahan mereka dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru itu, pengkaji mencadangkan agar para pensyarah menghadiri lebih banyak lagi kursus-kursus dan bengkel pemantapan diri terutamanya dari segi kemahiran dan peningkatan profesionalisme.

Selain itu, pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti juga disarankan agar sentiasa mengambil peluang dan melibatkan diri dalam hal-hal teknikal di kolej bagi memantapkan lagi kemahiran insaniah diri mereka terutamanya dari segi kemahiran komunikasi, kepimpinan serta pengurusan dan sebagainya. Pengkaji juga telah mencadangkan supaya mereka melaksanakan dan memahami standard-standard keselamatan yang ditentukan OSHA agar keselamatan semasa menjalankan kerja-kerja di bengkel dan makmal lebih terpelihara. Hal ini kerana, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan daripada pensyarah tidak melaksanakan standard keselamatan yang telah ditentukan oleh OSHA.

## **Cadangan Bagi Kajian Lanjutan**

Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh dijalankan bagi tujuan penambahbaikan. Cadangan kajian lanjutan ini adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan kajian lanjutan bagi mengetahui keberkesanan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.
- (ii) Menjalankan kajian lanjutan bagi mengetahui keperluan pensyarah yang mengajar kursus jangka pendek serta pihak Kolej Komuniti dalam memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat.
- (iii) Menjalankan kajian lanjutan berkenaan dengan kekangan dan halangan dalam melaksanakan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti.

## **RUJUKAN**

Aziz, A.Y., (2000). *Perubahan Dan Kepimpinan*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Chapman, J. et al., (2003). *Lifelong Learning and Teacher Education*. Centre for Lifelong Learning. Faculty of Education. Australian Catholic University.

Chua, Y.P., (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan:Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

Hamdan, A.R et al., (2006). *Persepsi Guru Terhadap Profesionalisme Guru Masa Kini*. Universiti Teknologi Malaysia.

Hashim, S., (2009). *Kesediaan Guru Terhadap Penerapan Pemikiran Berdaya Cipta Menerusi Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana..

Ibrahim, M.S., (2001). *Perkembangan Profesionalisme Guru: Satu Tuntutan Dan Satu Kemestian*. Kertas Kerja Seminar Nasional

Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-10, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.Pahang.

Idris, N., (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd. 198-213.

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), (2011). Dicapai pada Oktober 22, 2010 dari

**<http://www.jpkk.gov.my>**

Kareem, O.A. & Khuan, W.B., (2005). Perkembangan Profesionalisme Guru Secara Berterusan: Perspektif Pembangunan Sumber Manusia. Masalah Pendidikan. Universiti Malaya, 131-139.

Mohamed, Z.A., (1999). *Pegurusan Strategik Di Sektor Pendidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd Yasin, M. (2009, Ogos, 31). *Perutusan Hari Kebangsaan. Media: Teks Ucapan Kementerian Pelajaran Malaysia*.

Dicapai Pada Oktober 30, 2011 Dari

**<http://www.moe.gov.my>**

Muhammad, A. et al., (2007). *Tahap Profesionalisme Guru-Guru Pelatih Pendidikan Islam Dalam Latihan Praktikum*. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia. Vot 75215.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 Fasa 1 (PSPTN), (2007) dicapai pada November 10, 2011.

**[http://www.mohe.gov.my/transfor\\_masi/](http://www.mohe.gov.my/transfor_masi/)**

Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015)(PSPTN), (2011). Dicapai Pada November 15, 2011. Dari

<http://www.mohe.gov.my/portal/penerbitan-kpt-selanjutnya/176-pelantindakan-pengajian-tinggi-fasa2.html>

Perry, W.G., (1996). *How to Develop Competency-Based Vocational Education.* Prakken Publications

Rao *et al.*, (1991). *Pembelajaran Berbantukan Komputer.* Kuala Lumpur. Fajar Bakti.

Sihes, A.J. & Bandi, E.N., (2010). *Tahap Kesediaan Bakal Guru Tahun Akhir UTM (Kemahiran Hidup) Bagi Mengajar Subjek Rekacipta.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.(Tidak Diterbitkan). Pp 1-7. Dicapai pada November 15, 2011. Dari:

[http://eprints.utm.my/10990/1/Tahap\\_Kesediaan\\_Bakal\\_Guru\\_Tahun\\_Aakhir\\_UTM.pdf](http://eprints.utm.my/10990/1/Tahap_Kesediaan_Bakal_Guru_Tahun_Aakhir_UTM.pdf)

Siraj, S., Ishak, Z & Tunku Mohtar, T.M., (1996). *Motivasi Dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: Utusan.

Toth. J., (2002). *Learner Partnership-An Integrated Approach To Adult Education.* International Conference on Lifelong Learning, Asem. University Of Malaya.

Toh, W.S., (2008). *Koleksi Bahan Seminar Inovasi Pedagogi IPBL: Pedagogi Pembelajaran Aktif Dalam P&P Ekonomi Ke Arah Membangunkan Modal Insan.* ms.117-129.